

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan membuat perbincangan khusus tentang keberkesanan kurikulum Pendidikan Islam terhadap masalah akhlak dan disiplin pelajar. Selain daripada itu, pengkaji juga akan membuat rumusan hasil daripada dapatan analisa kajian ini serta memberi beberapa cadangan untuk mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan penghayatan akhlak dan disiplin pelajar sekolah. Antara lain cadangan yang akan dikemukakan adalah berdasarkan pandangan Al-Quran dan As-Sunnah yang menjadi sumber terpenting dalam pengajian Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan bahawa segala kenyataan ini adalah berdasarkan hasil daripada kajian ini sahaja, ianya tidak meliputi perkara-perkara yang lain.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Berdasarkan dapatan analisis kajian ini dapatlah diuraikan bahawa pada amnya kurikulum Pendidikan Islam KBSM adalah berkesan ke atas pembentukan dan penghayatan akhlak dan disiplin. Perlaksanaan dan penggubalan kurikulum Pendidikan Islam perlu kepada kesesuaian masa dan zaman kerana arus kehidupan masyarakat sentiasa berubah dan persoalan semasa masyarakat bertambah rumit dari semasa ke semasa.

Pendapat ini adalah selari dengan Abdul Rashid Ahmad (1996), yang menyatakan bahawa pada asasnya Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) selaras dan selari dengan konsep pendidikan dalam Surah al-Luqman ayat 12 hingga 19. Pada umumnya sukanan pelajaran Pendidikan Islam KBSM telah memenuhi asas-asas dasar pengajaran Surah al-Luqman, di samping mengambil kira prinsip-prinsip pendidikan daripada surah-surah yang lain daripada Al-Quranul Karim dan juga As-Sunnah An-Nabawiyah.

Selain subjeknya adalah pelajar-pelajar, pandangan para guru juga dikaji sama ada kurikulum Pendidikan Islam memberi kesan kepada pembentukan dan penghayatan akhlak serta disiplin pelajar. Ternyata hasil yang didapati menyokong kajian ini dan juga kajian lepas. Para guru juga berpandangan bahawa pengajian agama atau Pendidikan Islam dapat membentuk dan mempertingkatkan akhlak dan disiplin pelajar. Dapatan ini juga selari dengan kajian Ahmad Mohd Salleh (1994), yang menyatakan bahawa pengajian agama di Maktab Perguruan Tengku Ampuan Afzan mampu membentuk para pelajar berakhhlak dan mempunyai disiplin yang baik. Walau bagaimanapun rumusan ini tidak tetap disebabkan sistem dan dasar pendidikan negara yang berubah mengikut keperluan masa dan keadaan.

Disenaraikan beberapa perbincangan dapatan penting yang diperolehi hasil daripada analisis kajian dalam bab sebelumnya. Ianya dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu :

5.3 Hasil Dapatan Pelajar

5.3.1 Didapati bahawa 32 orang (10.3%) pelajar daripada 310 orang pelajar Islam yang mengambil matapelajaran Pendidikan Islam tidak tahu menulis jawi. Fenomena ini merupakan kesan yang berlaku apabila tulisan jawi tidak lagi diwajibkan dalam penulisan sehingga melahirkan pelajar yang tidak berminat dengan tulisan tersebut. Ini dikhawatiri akan membawa kesan yang tidak baik terhadap pembacaan Al-Quran dan juga perlaksanaan solat.

5.3.2 Didapati 6 orang (1.9%) pelajar Islam tidak berminat terhadap matapelajaran Pendidikan Islam. Walaupun hasil dapatan ini menunjukkan bilangan yang sedikit tetapi jika dilihat dan diramal dari jumlah keseluruhan pelajar Islam yang ada di negara kita, bilangan ini diyakini akan bertambah. Situasi ini amat membimbangkan kerana ianya boleh memberi kesan negatif ke arah pembentukan generasi Al Quran pada masa akan datang. Adakah pelajar-pelajar seperti ini yang akan dilahirkan sebagai pemimpin pada masa hadapan?. Pastinya kehancuran dan kemusnahan masyarakat akan berlaku.

5.3.3 Didapati 39 orang daripada 125 orang pelajar lelaki dan 81 orang daripada 185 orang pelajar perempuan iaitu jumlahnya 120 orang daripada 310 (38.7%) orang pelajar amat gemar menonton televisyen. Pelajar dari sekolah kawasan elit adalah paling ramai cenderung kepada kegemaran ini. Sekolah aliran teknik dan vokasional, sekolah di kawasan setinggan dan kawasan sederhana pula adalah paling ramai tidak suka kepada hobi membaca.

5.3.4 Didapati 47.7% bapa kepada pelajar-pelajar di Daerah Petaling adalah bekerja dalam sektor swasta dan sebilangan yang lain bekerja sendiri dan kakitangan kerajaan.

5.3.5 Data yang diperolehi menunjukkan bahawa 50.0% pelajar di kawasan bandar besar seperti di Daerah Petaling tidak mempunyai keluarga yang besar, hanya sekadar di bawah empat orang adik beradik sahaja. Fenomena ini memang menjadi lumrah kepada kehidupan masyarakat kota yang tidak suka kepada keluarga yang ramai. Oleh sebab itu segelintir pelajar suka menghabiskan masa di luar rumah dan terlibat dengan gejala-gejala yang kurang sihat kerana kedua ibu bapa keluar bekerja dan tiada sesiapa untuk mereka berinteraksi di rumah.

5.3.6 Daripada data yang diperolehi, 99.1% pelajar yang minat matapelajaran Pendidikan Islam mempunyai tahap disiplin yang tinggi.

5.3.7 Didapati bahawa 35.5% pelajar di kawasan bandar besar tidak mempunyai teman karib yang ramai (hanya dalam lingkungan empat orang sahaja).

5.3.8 Didapati 50.3% dari kalangan kedua-dua ibu bapa pelajar bekerja sama ada dalam sektor kerajaan, swasta ataupun bekerja sendiri.

5.3.9 Didapati 72.6% pelajar perempuan mempunyai tahap penghayatan disiplin yang tinggi berbanding 27.4% pelajar lelaki.

5.4 Hasil Dapatkan Guru

5.4.1 Mengikut kekerapan demografi jantina, didapati lebih 80% guru yang mengajar di sekolah menengah di kawasan bandar di Daerah Petaling adalah terdiri daripada guru perempuan. Ini boleh memberi kesan kepada disiplin sesebuah sekolah kerana pada umumnya guru lelaki memainkan peranan yang besar dalam aspek pengawalan, pengurusan dan pembentukan disiplin pelajar, terutama sekali di sekolah-sekolah yang mempunyai tahap disiplin yang rendah.

5.4.2 Didapati lebih 80% guru yang bertugas di sesebuah sekolah di Daerah Petaling adalah di bawah 5 tahun tempoh perkhidmatan dan juga lebih 50% guru adalah dari kalangan guru-guru baru. Ini boleh memberi kesan kepada aspek pengurusan sekolah kerana guru-guru sentiasa bertukar dan digantikan dengan guru baru yang tiada pengalaman untuk menguruskan hal ehwal disiplin pelajar di sekolah.

5.4.3 Lebih 70% guru yang berkhidmat di Daerah Petaling adalah guru lepasan ijazah Sarjana Muda dan sebilangan kecil sahaja yang mempunyai ijazah Sarjana.

5.4.4 Data menunjukkan lebih 46% guru yang mengajar di sekolah menengah di Daerah Petaling adalah guru-guru muda dalam lingkungan usia 20 hingga 30 tahun.

5.5 Rumusan Tentang Kurikulum Pendidikan Islam KBSM

Berdasarkan hasil pandangan para guru dan juga pelajar dalam kajian ini menunjukkan bahawa kurikulum Pendidikan Islam KBSM berkesan dan mampu menjadikan pelajar-pelajar berakhlaq dan berdisiplin. Rata-rata mereka menyatakan bahawa sukanan matapelajaran sudah mencukupi dan merangkumi semua aspek termasuk tentang akhlak dan disiplin.

Pengukuran tentang kejayaan dan keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam belum lagi terjamin keberkesanannya dalam seluruh aspek kehidupan kerana ia hanya amat bergantung kepada aspek taqwa yang menjadi teras dalam kehidupan. Ditambah pula ketidakmampuan guru membimbing dan memilih kandungan pengajaran terbaik, pelajar pula tiada jatidiri dan kemurnian sahsiah dan jiwa yang suci serta falsafah dan matlamat Pendidikan Islam sendiri gagal dicorakkan oleh institusi pendidikan termasuk Jabatan Pendidikan dan Kementerian Pendidikan.

Walau bagaimanapun, perkara-perkara negatif berkaitan dengan akhlak dan disiplin sentiasa berlaku disebabkan fenomena persekitaran yang sentiasa berubah mengikut peredaran masa seperti perubahan dalam aspek komunikasi, informasi, pendidikan dan sebagainya iaitu dalam arus *literasi teknologi* dan era globalisasi di mana ketuanan nilai atau budaya lebih cenderung berpihak kepada negara-negara maju dan berkuasa besar. Era ini memaparkan hakikat *borderless world* dalam konteks informasi dan komunikasi (Abd. Ghani & Norhashimi:1998).

Oleh sebab itu, apakah yang dapat dilakukan oleh guru Pendidikan Islam dalam menghadapi era *Multimedia Super Corridor (MSC)*? Bagaimanakah caranya nilai Islam dapat dimasyarakatkan serta diglobalisasikan untuk kepentingan ummah?.

Untuk itu, kurikulum pendidikan termasuk sukatan matapelajaran Pendidikan Islam hendaklah distrukturkan semula sejajar dengan perkembangan teknologi terkini. Perlaksanaan kurikulum Pendidikan Islam sewajarnya bersifat *integral* yang melibatkan penyediaan perisian multimedia Islam, bahan kursus, format penilaian pembelajaran kendiri dan sebagainya. Ini selaras dengan kenyataan Sharifah Nor Puteh (1999) menyatakan bahawa pengubahsuaian kurikulum iaitu proses yang mengambil kira keperluan perkembangan individu dari segi psikologi, kebolehan, bakat, minat dan aptitud atau kecenderungan semula jadi. Pengubahsuaian ini juga mengambil kira pembangunan negara iaitu berdasarkan keperluan semasa dan masa

depan dari segi pembangunan insan yang bermaksud melahirkan pelajar beriman dan berakhhlak, sumber manusia yang berketrampilan, cekik teknologi maklumat, berfikiran kritis dan kreatif.

5.6 Rumusan Tentang Akhlak Dan Disiplin

Dalam konteks masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama, aspek disiplin mestilah mengutamakan nilai-nilai akhlak, moral dan etika yang menjadi intisari Pendidikan Islam. Proses mendisiplinkan pelajar-pelajar perlulah diberi penekanan tentang nilai-nilai agama dan kepercayaan yang dianuti oleh bangsa-bangsa yang terdapat di negara ini.

Proses mendisiplin ialah proses pemasyarakatan. Ia berjalan serentak dan berterusan tanpa berpisah. Para pelajar didedahkan kepada norma-norma dan nilai-nilai yang dihajati oleh agama dan masyarakat. Norma-norma dan nilai-nilai hendaklah disampaikan secara terus menerus sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran pelajar.

Dalam menyelesaikan masalah akhlak dan disiplin para pelajar, kerjasama semua pihak adalah amat perlu. Tanggungjawab ini tidak boleh diserahkan seratus-peratus kepada pihak sekolah sahaja. Selain PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru), lain-lain agensi seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), jawatankuasa masyarakat dan lain-lain mestilah berganding bahu memberi bantuan dan bimbingan ke arah membentuk akhlak dan disiplin pelajar.

Abdul Ghani (1989) ada mencadangkan kaedah ke arah meningkatkan dan mengukuhkan akhlak dan disiplin pelajar. Antaranya:

Kaedah pengajaran kurikulum hendaklah seiring dan selaras dengan usaha dan matlamat memupuk rohaniah, kecintaan kepada Allah, komitmen kepada nilai-nilai budi yang utama dan kepatuhan mutlak kepada hukum syarak.

Suasana pembelajaran hendaklah dibersihkan dari segala faktor yang merangsang dan mengundang kepada keruntuhan akhlak di kalangan pelajar

sama ada dari segi berpakaian, pergaulan mahupun dari segi kegiatan kurikulum, bersukan dan lain-lain.

5.7 Langkah-Langkah Dan Cadangan Untuk Menangani Masalah Akhlak Dan Disiplin Di kalangan Pelajar

Cadangan untuk menangani masalah akhlak dan disiplin hendaklah melalui beberapa pendekatan:

5.7.1 Pendekatan Keimanan

Pendidikan keimanan merujuk kepada proses di mana kita mengenalkan pelajar-pelajar dengan asal-usul keimanan seperti rukun Islam, rukun iman dan prinsip-prinsip syariat. Pelajar perlu dididik dengan unsur-unsur seperti kepercayaan kepada Tuhan, Malaikat, kitab-kitab, rasul, hari kiamat dan percaya kepada qada' dan qadar. Pendidikan keimanan ini penting kerana ia akan memandu pelajar itu untuk menjadi seorang Islam yang baik.

5.7.2 Pendekatan Psikologi Islam Dan Pembangunan Insan

Pendekatan melalui nasihat psikologi bimbingan dan kaunseling adalah dipersetujui, di samping hukuman seperti merotan perlu dikenakan. Walau bagaimanapun perlaksanaan merotan perlu diubah dari yang berbentuk deraan atau kesakitan kepada bentuk pengajaran dan kesedaran yang mendalam terhadap diri pelajar.

5.7.3 Pendekatan Keluarga Sakinah (Ketenangan)

Melalui pendekatan keluarga sakinah ini, bibit-bibit moral dan keimanan akan disemai dan disenyawakan dalam diri insan yang berkeluarga. Ianya melibatkan pencernaan unsur kasih sayang (mawaddah) dan belas ihsan (rahmah) demi mengukuhkan tali kekeluargaan, ikatan keibubapaan dan pembinaan sahsiah diri.

5.7.4 Pendekatan Kerohanian

Dalam menjalankan aktiviti-aktiviti di luar bilik darjah, pelajar perlu menyertai dan menyempurnakan aktiviti-aktiviti berbentuk kerohanian seperti solat berjamaah, ibadat, qiamullail, bacaan doa, solat sunat, bertadarrus Al-Quran dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti sebegini akan melahirkan insan yang bertaqwa selaras dengan matlamat, falsafah dan kurikulum Pendidikan Islam KBSM itu sendiri.

5.7.5 Pendekatan Solat

Solat merupakan ibadah yang utama di dalam Islam kerana solat adalah satu bentuk perhambaan kepada Allah S.W.T. Ia juga merupakan saat yang paling hampir bagi seseorang hamba dengan Allah S.W.T. Solat adalah hasil daripada gabung jalin antara dua unsur asasi kejadian manusia iaitu rohani dan jasmani, zahir dan batin. Oleh sebab itu dapat dibuat kesimpulan bahawa:

- Dari aspek kejiwaan:
 - Solat memberikan ketenangan dan kekuatan jiwa;
- Dari aspek kesihatan:
 - Solat mendidik seseorang supaya menjaga kebersihan;
 - Solat melatih badan supaya sentiasa cergas dan aktif;
- Dari aspek akhlak:
 - Solat dapat menyedarkan seseorang terhadap kesalahan;
 - Solat dapat menghapuskan dosa;
 - Solat dapat mencegah seseorang dari melakukan kemungkaran;
 - Solat mendidik seseorang berdisiplin dengan waktu;
- Dari aspek kemasyarakatan:
 - Solat mewujudkan persaudaraan;
 - Solat mewujudkan persamaan antara manusia; dan
 - Solat melahirkan rasa kemerdekaan jwa.

5.7.6 Pendekatan Ilmu

Salah satu faktor penting di dalam pembinaan dan pembentukan akhlak dan disiplin pelajar Islam ialah semangat cintakan ilmu. Kecintaan kepada ilmu akan dapat membina semangat perkongsian idea, maklumat, pengetahuan, penyelidikan pembangunan minda dan pengalaman hidup.

5.7.7 Pendekatan Penghayatan Al-Quran

Menyedari bahawa pembinaan dan pemantapan generasi Al-Quran adalah merupakan satu agenda utama yang penting bagi melahirkan generasi pelajar yang bersifat sepadu, seimbang, harmoni dan berwibawa, maka dicadangkan supaya dibentuk satu jawatankuasa pelaksana yang akan menentukan tindakan, prosedur dan kaedah untuk menjayakan cadangan ini. Jawatankuasa tersebut hendaklah sebilangannya dari pakar-pakar dalam Pendidikan Islam.

Terdapat banyak ayat Al-Quran mengarahkan umat Islam supaya sentiasa memerhatikan dan memahami ayat-ayat Al-Quran, seperti :

“Patutkah mereka (bersikap demikian) tidak mahu memikirkan isi Al-Quran” – Surah al-Nisa’ ayat 82.

“Maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Ataupun hati mereka terkunci, yang boleh menghalang daripada menerima ajaran Al-Quran”- Surah Muhammad ayat 24.

Keseluruhan ayat di atas menunjukkan bahawa Al-Quran sangat menghargai ilmu pengetahuan yang berguna untuk kehidupan manusia kerana ilmu pengetahuan merupakan punca kemajuan dan pembangunan sesuatu bangsa serta boleh mendatangkan kebahagiaan hidup.

Kenyataan ini disokong oleh Mohd Kamil (1998) yang menyatakan bahawa Al-Quran mengajak insan sentiasa berfikir dengan berbagai pendekatan dan cara contohnya berfikir tentang alam, langit, bumi, matahari, laut, gunung-

ganang, sungai, lurah dan lain-lain kejadian Allah S.W.T. Lebih dari itu insan juga dituntut supaya berfikir tentang aspek maknawi seperti kematian dan kehidupan, wahyu dan nubuwwah (kenabian) sehingga kepada pemikiran tinggi. Benar kata Mahmud al-'Aqqad (t.t): "Berfikir itu suatu kewajipan Islam" dan setengah ulama barkata "Berfikir sesaat lebih baik dari beribadat setahun".

Wan Yahya (1998) menyatakan bahawa Al-Quran dan As-Sunnah merupakan punca utama ilmu pengetahuan. Penghargaan tinggi Al-Quran terhadap ilmu pengetahuan merupakan puncak penggerak motivasi keilmuan yang kuat dan bertenaga. Al-Quran sesuai dengan era pembangunan dan perkembangan ilmu-ilmu moden pada masa ini dan akan datang.

5.7.8 Pengawalan Ketat Terhadap Penerbitan Media Massa

Kebelakangan ini, penerbitan buku-buku dan majalah-majalah yang berbentuk hiburan semakin bertambah. Ini merupakan salah satu faktor persekitaran yang boleh merosakkan pemikiran pelajar kerana kandungan majalah-majalah dan buku-buku tersebut banyak mendedahkan perkara-perkara negatif seperti pergaulan bebas, moral artis yang rendah, berbentuk lucah dan seksual. Majalah hiburan ini sangat diminati di kalangan remaja termasuk pelajar. Hasil pemerhatian penulis, pelajar-pelajar sangat gemar membaca majalah hiburan dan komik tentang artis daripada membaca buku-buku ilmiah terutama di kalangan remaja Melayu.

Oleh itu, kerajaan perlu tegas dan tidak mengambil mudah terhadap ancaman pemikiran terhadap pelajar-pelajar dan hendaklah mengharamkan majalah-majalah seperti ini. Kenyataan ini selaras dengan pandangan Shukeri Mohamad (1998), menyatakan bahawa masyarakat Malaysia sedang dikejutkan dengan gejala keruntuhan akhlak dan gejala sosial. Oleh itu beberapa langkah amat perlu kerana masyarakat yang sudah runtuh akhlak sebenarnya sedang menghadapi kehancuran. Antara langkah yang dicadangkan:

- Menguatkuaskan pengharaman pergaulan bebas dan pendedahan aurat yang merupakan punca kepada *fasad* (kerosakkan) sosial dan kekeluargaan;
- Menguatkuaskan pengharaman pusat-pusat maksiat dan hiburan yang sangat banyak di kawasan bandar-bandar besar seperti di Daerah Petaling;
- Menguatkuaskan pengharaman bahan-bahan penerbitan dan media massa yang tidak bermoral dan tidak beretika yang menjadi punca kerosakan pemikiran pelajar dan masyarakat; dan
- Menguatkuaskan pengharaman ideologi-ideologi barat yang bercanggah dengan Islam seperti pragmatisme, sekular, kapitalis dan lain-lain yang juga menjadi punca kepada kerosakan hidup dan pemikiran pelajar dan masyarakat.

Menyedari bahawa untuk melaksanakan cadangan-cadangan yang dikemukakan bukanlah suatu usaha yang mudah kerana mungkin terdapat halangan-halangan tertentu yang menyukarkan untuk melihat hasrat dan cita-cita penghayatan Islam dapat direalisasikan sepenuhnya, semua pihak sama ada diri pelajar, warga pendidik, masyarakat, tokoh-tokoh ilmuan dan pemimpin di negara ini perlulah mengembelingkan tenaga semaksimum mungkin ke arah mencapai hasrat dan cita-cita murni ini, agar ianya akan menjadi kenyataan suatu masa nanti.

5.8 Cadangan Untuk Kajian Akan Datang

5.8.1 Untuk mendapatkan kesan yang lebih jitu dan kuat ke atas pembentukan dan penghayatan akhlak dan disiplin, perlulah ibu bapa pelajar dilibatkan dalam semua aktiviti *extra kurikulum* pelajar.

5.8.2 Kajian ini masih boleh lagi dipertingkatkan dengan menambah pembolehubah bersandar untuk memberi huraian yang lebih baik atas faktor-faktor dan punca-punca terbentuknya akhlak dan disiplin pelajar.

5.8.3 Untuk pengkaji selanjutnya pula, harus membuat temu bual dengan ibu bapa pelajar yang dijadikan subjek kajian kerana kajian keberkesanannya kurikulum Pendidikan Islam KBSM dianggap tidak cukup hanya dengan memberi data atau maklumat tentang punca sebenar masalah pelajar sekolah menengah dari sudut akhlak dan disiplin. Begitu juga hendaklah diadakan temu bual bagi mendapatkan pandangan dari guru-guru Pendidikan Islam atau bukan Pendidikan Islam dan juga tokoh-tokoh agama.

5.8.4 Kajian ini hanya melibatkan para pelajar tingkatan 4 sahaja dari 11 buah sekolah di Daerah Petaling. Oleh itu untuk kajian pada masa akan datang, kajian ini boleh diperluaskan lagi meliputi pelajar dalam tingkatan 1, 2, 3, 5 atau 6 meliputi daerah-daerah lain dengan jumlah responden yang lebih besar dan melibatkan pembolehubah-pembolehubah bersandar yang lain.

5.8.5 Dicadangkan juga kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Kementerian Pendidikan Malaysia supaya mengambil inisiatif dengan membina sekurang-kurangnya satu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di kawasan Daerah Petaling, kerana setakat hari ini belum terdapat sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama pun di daerah ini. Sekurang-kurangnya dengan adanya SMKA di daerah ini akan memberi pendedahan aspek keagamaan yang lebih kepada penduduk di Daerah Petaling yang puratanya seramai 60,000 orang.

5.9 Penutup

Generasi pelajar merupakan generasi pemangkin kepada kepimpinan dan pembangunan negara di masa hadapan. Oleh kerana golongan pelajar merupakan teras kepada pembangunan negara masa depan, persoalan gejala salah laku ini perlu diberi perhatian yang serius kerana 12.7% atau 7.57 juta penduduk negara ini terdiri daripada golongan remaja (Mohd Tajudin:1995). Menjelang abad ke-21, Malaysia bukan sahaja memerlukan sumber manusia yang berketrampilan dari segi potensi mindanya, tetapi juga sumber manusia yang penuh dengan nilai-nilai murni, disiplin tinggi, beretika mulia dan mantap jiwanya. Mereka perlulah melengkapkan diri dengan

pelbagai kemahiran dan pengetahuan terutama sekali keteguhan aqidah dan kemurnian akhlak serta mempunyai tahap ketahanan disiplin yang tinggi. Masyarakat dan negara meletakkan harapan yang besar terhadap generasi pelajar yang ada sekarang untuk meneruskan kepimpinan pada masa akan datang.

Antara keperluan penting untuk menghadapi cabaran masa hadapan ialah penghayatan Pendidikan Islam terutama dalam aspek akhlak dan disiplin kerana tujuan Pendidikan Islam yang berasaskan Al Quran dan As Sunnah ialah untuk melahirkan insan soleh yang beriman dan bertaqwa, berilmu, berakhhlak mulia, berketrampilan, bertanggungjawab dan berbakti.

Walau bagaimanapun permasalahan akhlak dan disiplin pelajar Islam kini amat merosot dan menyimpang dari falsafah dan matlamat Pendidikan Islam itu sendiri. Ianya bukanlah disebabkan kelemahan Pendidikan Islam itu secara keseluruhannya tetapi disebabkan faktor-faktor persekitaran bandar, sosio-budaya masyarakat, pengaruh media massa, desakan hidup, keruntuhan rumah tangga ibu bapa, pembelajaran tidak berkesan dan lain-lain sebagainya. Langkah-langkah segera perlu diambil supaya masalah akhlak dan disiplin dapat diatasi.

Tanggapan dan rumusan yang dibuat ini bukanlah menyeluruh tetapi ia hanya terhad di beberapa buah sekolah di Daerah Petaling sahaja. Begitu juga ianya tidak semestinya tetap kerana generasi pelajar silih berganti setiap tahun. Oleh itu ianya sesuai sebagai suatu renungan dan usaha kecil pengkaji ke arah membantu memberi kesedaran terhadap masalah akhlak dan disiplin pelajar kini. Tindakan segera perlu dilakukan oleh pihak berkuasa supaya gejala ini tidak berleluasa dan mengocak keimanan masyarakat Islam Malaysia pada masa hadapan.